

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|-----------------|
| 1 | Malaysia boleh perbaiki kedudukan indeks inovasi | Utusan Malaysia |
| 2 | Standards Malaysia mahu lebih ramai IKS patuhi keperluan Malaysia Standards | Bernamea.com |
| 3 | IKS perlu patuhi Malaysia Standards | Utusan Malaysia |
| 4 | Malaysia to launch national palm oil standard next year | The Sun |
| 5 | Tearful appeal for son's death cert | The Star |
| 6 | Woman wants son's death cert | The Sun |
| 7 | Jabatan Meteorologi sahkan angin kuat pada hari kejadian | Sinar Harian |
| 8 | Jabatan Meteorologi sahkan angin kencang sebabkan penebat kilat runtuh | Utusan Malaysia |
| 9 | Hujan lebat, angin kencang sebab penebat kilat runtuh - Loh | Bernamea.com |
| 10 | Rainfall in Sumatra dauses hotspots | The Star |
| 11 | Roket air 'teroka' ruang angkasa | Berita Harian |
| 12 | SIRIM anjur sidang kemuncak kualiti Nasional 2013 | Bernamea.com |
| 13 | More 'green' transport | The Malay Mail |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 04 SEPTEMBER 2013 (RABU)

Malaysia boleh perbaiki kedudukan indeks inovasi

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Malaysia kini berada di kedudukan ke-32 di antara 144 buah negara mengikut Indeks Inovasi Global, hasil daripada pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh semua pihak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, antara usaha yang boleh dilakukan bagi mengukuhkan kedudukan itu ialah syarikat perniagaan perlu mengguna pakai prinsip kualiti yang relevan dengan perubahan landskap perniagaan semasa.

“Untuk perniagaan mencapai kecemerlangan kualiti, mereka perlu mempunyai formula tersendiri untuk berjaya,” katanya dalam majlis perasmian Sidang Kemuncak Kualiti Kebangsaan 2013 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Rosli Mohamed.

Dalam pada itu, Ewon berkata, mengikut Indeks Persaingan Global pula,

Malaysia berada di tangga ke-25 di antara 144 buah negara.

“Sehubungan itu, katanya organisasi atau perniagaan perlu bersaing dengan lebih agresif apabila menjual produk atau memberi perkhidmatan kepada pengguna dengan harga berpatutan,” ujarnya.

Sidang Kemuncak Kualiti Kebangsaan 2013 yang bertemakan ‘Peningkatan Kualiti Untuk Pengguna Global’ itu dianjurkan oleh SIRIM Berhad (SIRIM) yang bertujuan membincangkan

tentang kepentingan kualiti kepada pengguna global dan organisasi untuk meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

Lebih daripada 150 peserta terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, pengarah syarikat, ketua jabatan, perunding dan pengamal kualiti menyertai persidangan itu.

Ewon berharap persidangan itu akan menjadi pentas untuk pertukaran pendapat tentang kualiti dan meningkatkan inovasi agar negara sentiasa dapat bersaing.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, **Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof** berkata, banyak program yang telah dijayakan SIRIM dalam usaha mereka untuk memberi kesedaran kepada pengguna tentang kualiti.

“Kualiti seharusnya difahami oleh setiap pengguna agar lebih faham tentang kualiti supaya mereka mendapat kepuasan maksimum terhadap barangan yang akan diguna,” ujarnya.



EWON EBIN



Standards Malaysia Mahu Lebih Ramai IKS Patuhi Keperluan Malaysian Standards



Oleh Norsyafawati Ab Wahab

CYBERJAYA, 3 Sept (Bernama) -- **Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia)** mahu lebih banyak usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) mematuhi keperluan Malaysian Standards (MS) bagi memastikan produk mereka mampu bersaing di pasaran terbuka.

Menerusi Program Pematuhan Standard Nasional yang bakal dilancarkan pada Oktober ini, Standard Malaysia berhasrat untuk memastikan kualiti produk tempatan bukan sahaja ditingkatkan tetapi juga kebolehan dan produktiviti industri tersebut dimantapkan lagi.

Ketua Pengarahnya Fadilah Baharin berkata tujuan setiap IKS mempunyai MS bagi setiap produk yang dikeluarkan adalah juga untuk memastikan produk keluaran tempatan mampu mempunyai nilai tambah berbanding produk lain dari luar negara.

"Untuk fasa pertama (2013-2014) bagi program tersebut kami akan bekerjasama dengan SME Corp Malaysia untuk berhubung secara terus dengan pengusaha IKS," katanya sambil menambah jabatan itu berhasrat untuk mengembangkan program tersebut ke agensi-agensi lain pada masa hadapan.

Beliau berkata sejak penubuhan Standards Malaysia 17 tahun lalu, agensi itu telah membangunkan lebih daripada 6,300 MS bagi memenuhi permintaan daripada 24 buah industri teras serta menawarkan penyelesaian global yang pragmatik.

"Namun dari jumlah tersebut, hanya syarikat besar dan yang berstatus multinasional sahaja mematuhi standard ini, manakala tidak sampai 50 peratus pematuhan MS ini digunakan dalam kalangan peserta industri IKS tempatan," katanya kepada Bernama.

Melihat kurangnya kesedaran terhadap keperluan untuk setiap produk dan perkhidmatan di negara untuk memenuhi keperluan MS ini, Fadilah berkata, Standards Malaysia kini bergerak secara agresif membantu pengusaha IKS mencapai standard ini.

"Melalui MS juga, hak pengguna juga dipelihara kerana selain daripada membeli barangan dengan harga yang berpatutan mereka juga akan memiliki barang yang mempunyai standard dan kualiti," katanya.

Menurut beliau, agensi itu turut bekerjasama dengan kementerian lain untuk memastikan barangan import yang digunakan dalam semua projek kerajaan turut mematuhi keperluan MS.

"Ini secara langsung mampu mencegah Malaysia daripada menjadi mangsa aktiviti lambakan barangan tidak berkualiti dari negeri China dan lain-lain," katanya.

Fadilah berkata sudah tiba masanya bagi setiap IKS memenuhi keperluan MS untuk membantu mereka untuk bersaing mengembangkan pasaran mereka ke luar negara secara kompetitif.

Buat masa ini katanya, pematuhan MS lebih berkembang dalam kalangan industri IKS yang mengeluarkan makanan yang memerlukan percetakan tarikh luput dan logo halal yang standard pada produk mereka.

"Namun industri seperti pakaian dan barangan keperluan lain kurang berminat untuk mematuhi keperluan SM kerana tiada keperluan dari segi penguatkuasaan," tambahnya.

Standard Malaysia ditubuhkan pada Ogos 1996, merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang memberi keyakinan kepada pelbagai pihak berkepentingan dengan menawarkan perkhidmatan standardisasi dan akreditasi untuk bersaing secara global.

-- BERNAMA

IKS perlu patuhi Malaysian Standards

CYBERJAYA 3 Sept. - Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia) mahu lebih banyak usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) mematuhi keperluan Malaysian Standards (MS) bagi memastikan produk mereka mampu bersaing di pasaran terbuka.

Menerusi Program Pematuhan Standard Nasional yang bakal dilancarkan pada Oktober ini, Standards Malaysia berhasrat untuk memastikan kualiti produk tempatan bukan sahaja ditingkatkan tetapi juga kebolehan dan produktiviti industri tersebut dimantapkan lagi.

Ketua Pengarahnya, Fadilah Baharin berkata, tujuan setiap IKS mempunyai MS bagi setiap produk yang dikeluarkan adalah juga untuk memastikan produk keluaran tempatan mampu mempunyai nilai tambah berbanding produk lain dari luar negara.

"Untuk fasa pertama (2013-2014) bagi program tersebut kami akan bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia untuk berhubung secara terus dengan pengusaha IKS," katanya sambil menambah jabatan itu berhasrat untuk mengembangkan program tersebut ke agensi-agensi lain pada masa hadapan.

Beliau berkata, sejak penubuhan Standards Malaysia 17 tahun lalu, agensi itu telah membangunkan lebih daripada 6,300 MS untuk memenuhi permintaan daripada 24 buah industri teras serta menawarkan penyelesaian global yang pragmatik.

"Namun daripada jumlah tersebut, hanya syarikat besar dan yang berstatus multinasional sahaja mematuhi standard ini, manakala tidak sampai 50 peratus pematuhan MS ini digunakan dalam kalangan peserta industri IKS tempatan," katanya kepada *Bernama*.

Melihat kurangnya kesedaran terhadap keperluan untuk setiap produk dan perkhidmatan di negara untuk memenuhi keperluan MS ini, Fadilah berkata, Standards Malaysia kini bergerak secara agresif membantu pengusaha IKS mencapai standard itu.

Namun dari jumlah tersebut, hanya syarikat besar dan yang berstatus multinasional sahaja mematuhi standard ini, manakala tidak sampai 50 peratus pematuhan MS ini digunakan dalam kalangan peserta industri IKS tempatan

FADILAH BAHARIN
Ketua Pengarah Standards Malaysia



"Melalui MS, hak pengguna juga dipelihara kerana selain daripada membeli barangan dengan harga yang berpatutan, mereka juga akan memiliki barang yang mempunyai standard dan kualiti," katanya.

Menurut beliau, agensi itu turut bekerjasama dengan kementerian lain untuk memastikan barangan import yang digunakan dalam semua projek kerajaan turut mematuhi keperluan MS.

"Ini secara langsung mampu mencegah Malaysia daripada menjadi mangsa aktiviti lambakan barangan tidak berkualiti dari negeri China dan lain-lain," katanya.

Fadilah berkata, sudah tiba masanya bagi setiap IKS memenuhi keperluan MS untuk membantu mereka mengembangkan pasaran mereka ke luar negara secara

kompetitif.

Buat masa ini, katanya, pematuhan MS lebih berkembang dalam kalangan industri IKS yang mengeluarkan makanan yang memerlukan percetakan tarikh luput dan logo halal yang standard pada produk mereka.

"Namun industri seperti pakaian dan barangan keperluan lain kurang berminat untuk mematuhi keperluan SM kerana tiada keperluan dari segi penguatkuasaan," tambahnya.

Standard Malaysia ditubuhkan pada Ogos 1996, merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang memberi keyakinan kepada pelbagai pihak berkepentingan dengan menawarkan perkhidmatan standardisasi dan akreditasi untuk bersaing secara global.

Malaysia to launch national palm oil **standard** next year

> Sets criteria for certification of industry players from a sustainability perspective

BY **EE ANN NEE**
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia is expected to launch a national standard for palm oil producers next year, which will boost market access for the commodity, said Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

He said the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) is in the final stages of development, which sets the criteria for the certification of Malaysian palm oil players from a sustainability perspective. It is currently pending the Department of Standards Malaysia's approval.

Speaking to reporters after a two-day consultation with the commodities industry here yesterday, Uggah believes that the local palm oil industry should have its own standard and that MSPO will be the branding for Malaysian palm oil that will also resolve a number of issues.

"One of the main objectives for MSPO is market access. If it is recognised, we'll be able to jump over the hurdle, be it accessibility, sustainability, labour or other barriers.

"Our priority is market access and we want to see our products gain unhindered access to (all international) markets," he said.

He said MSPO will address many of the anti-palm oil issues in the European, Australian and American markets.

"With the MSPO standard, we will comply with sustainability, quality and all requirements. The Malaysian Palm Oil Board is working full time on this," Uggah said,

adding that the government will ensure that MSPO is accepted by the American, European, Australian, Japanese, Korean, Chinese and Indian markets.

Uggah said the MSPO standard will initially be voluntary but the government wants it to be adopted by all Malaysian palm oil players.

Uggah said the current certification scheme for sustainable palm oil - Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) - has several disadvantages and that certain conditions under the RSPO are "too stringent".

"To join the RSPO is costly and they keep changing their goals. The premium that we get from RSPO is also minimal. It's more of a burden to the industry," he added.

Meanwhile, the minister said a special programme will be launched in Bintulu (Sarawak) and Perak to curb palm oil theft in oil palm estates.

Tearful appeal for son's death cert

GEORGE TOWN: The mother of economy rice seller Lim Chin Aik, who is presumed dead after a concrete lightning arrester fell on his car during a freak storm, made a tearful appeal at the Coroner's Court for help to obtain a death certificate for her son.

"When he was born, he had a birth certificate. Now, we want the death certificate for us to do the necessary," said Ang Kim Looi, 70.

Ang said she was sure that her son was involved in the incident, which occurred on June 13 in Macalister Road here.

"He would always drive on Macalister Road when fetching his daughter home from school," she said in Hokkien when questioned by conducting officer Lim Cheah Yit during the second day of the inquest yesterday to certify Chin Aik's death.

Chin Aik's son, college student Chia Yiang, 20, testified that his father had not contacted the family after the tragedy.

Asked by Cheah Yit whether he believed that his father was involved in the incident, he said that he could not say for sure but based on

what had been found at the scene of the incident, he believed that his father was a victim there.

Earlier, he told the court that he recognised a car cushion and what looked like a car engine that was retrieved from the rubble at the scene of the incident.

Penang Meteorological Department director Loh Eng Kee said the wind speed on that day was between 30 and 40 knots, equivalent to 60 and 80kph, which was considered dangerous.

Asked by conducting officer Nurdeenie Abdul Rashid on how dangerous it could be, he said it might lead to roofs being blown off and trees toppled or uprooted.

Loh said that it was quite calm and sunny earlier that day but clouds began to build up after 3pm.

Another conducting officer was Suhaimi Ibrahim while Puchong MP Gobind Singh Deo held a watching brief for the family.

The inquest before coroner Khairul Anuar Abdul Halim continues today.

Woman wants son's death cert

> Mother convinced he was involved in lightning arrestor tragedy

BY **AARON NGUI**
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: The mother of the late Lim Chin Aik yesterday appealed to the coroner's court to expedite issuing a death certificate for her son, who is believed to be buried under tonnes of rubble after a concrete lightning arrestor fell on his car three months ago.

Ang Kim Looi, 70, who appeared emotional at the inquest to ascertain the death of her son, said she hoped the certificate can be issued soon so that the family can proceed with the necessary arrangements that follow the death of a loved one.

"I applied for his birth certificate when I gave birth to him.

"Now what I want is for help to get his death certificate," she told the inquest presided by coroner Khairul Anuar Abd Halim.

Ang said she was sure that her 44-year-old son was involved in the June 13 tragedy that

saw the 30m structure collapsing onto Jalan Macalister at about 6.30pm.

She said he frequently used that road when fetching his daughter from school.

She could also identify the parts of a car, recovered from the crater caused by the impact, as those belonging to her son.

"I can identify the door, the tyre rim and a piece of metal containing some numbers," she said.

Ang also said since the day of the incident, she had not seen her son or received information that indicated he could be alive.

The questioning was conducted by Suhaimi Ibrahim who was assisted by Lim Cheah Yit and Nurdeenie Abdul Rashid.

Lawyer and Puchong MP Gobind Singh Deo held a watching brief for the family.

Later, Penang Meteorological Services Department director Loh Eng Kee testified that satellite imagery at that time implied rain and strong winds, adding that winds then would have peaked at 40 knots or 74 kph. He said wind speed above 20 knots (37 kph) was considered strong, with the effects of blowing roofs off, unsound structures toppling and trees uprooted.

The inquest continues today, with Penang Island Municipal Council building director Yew Tung Seang as the first witness.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (MAHKAMAH & JENAYAH) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 04 SEPTEMBER 2013 (RABU)

Jabatan Meteorologi sahkan angin kuat pada hari kejadian



Peguam keluarga mangsa, Gobind Singh Deo (kanan) menerangkan sesuatu kepada anak lelaki mangsa, Lim Chia Yang, 20, (kiri) di luar mahkamah, semalam.

GEORGETOWN - Jabatan Meteorologi Pulau Pinang mengesahkan angin kuat disusuli hujan berlaku pada hari kejadian seorang penjual nasi dikhuatiri maut tertimbus apabila rod penebat kilat di Menara Umno terjatuh.

Pengarahnya, Loh Eng Kee berkata, pada hari kejadian, rekod jabatan itu menunjukkan cuaca pada sebelah pagi baik dan ia berlarutan sehingga tengah hari. Bagaimanapun, cuaca mula mendung sekitar jam 3 petang.

"Pada waktu kejadian, angin dicatatkan dengan bacaan 30 knot di stesen Bayan Lepas dan 37 knot di stesen Butterworth. Merujuk kepada bacaan satelit Jabatan Meteorologi negeri, bacaan

angin pada hari kejadian sekitar dicatatkan 30 hingga 40 knot," katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Lim Cheah Yit di mahkamah koroner, di sini, semalam.

Ketika menjawab soalan Cheah Yit berhubung impak daripada bacaan kelajuan angin pada hari kejadian, Eng Kee berkata, kelajuan itu mampu menggoyangkan pokok dengan kuat serta boleh menyebabkan struktur bangunan runtuh sekiranya ia tidak kukuh.

"Bacaan angin ini (30 hingga 40 knot) boleh mengakibatkan pokok bergoyang (bergantung kepada saiz pokok) dengan kuat serta boleh menyebabkan struktur bangunan runtuh jatuh, bergantung

kepada kekuatan bangunan tersebut dibina.

"Bacaan diambil dari alat mengukur kelajuan angin iaitu anemometer yang diletakkan di stesen. Selain itu, kita juga mengambil bacaan berdasarkan gambar yang dicetak dari satelit yang dipasang," katanya.

Terdahulu, beberapa saksi dipanggil bagi memberi keterangan di dalam inkuies kematian seorang penjual nasi, Lim Chin Aik yang dikhuatiri tertimbus di dalam tanah setelah pasukan mencari dan menyelamatkan menemui beberapa cebisan kereta Honda City berwarna kelabu yang terbenam di kawasan runtuhan di Jalan Macalister, dua hari selepas kejadian.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 04 SEPTEMBER 2013 (RABU)

Jabatan Meteorologi sahkan angin kencang sebabkan penebat kilat runtuh

PULAU PINANG 3 Sept. - Pengarah Jabatan Meteorologi Pulau Pinang, Loh Eng Kee mengesahkan berlaku angin kencang dan hujan lebat pada lewat petang 13 Jun lepas, yang mengakibatkan penebat kilat di Menara UMNO di Jalan Macalister runtuh.

Beliau berkata, berdasarkan imej satelit yang diperolehi daripada stesen pemantauan, kelajuan angin ketika itu adalah antara 30 dan 40 knot, yang mampu menyebabkan pokok bergoyang dengan kuat.

"Pada kelajuan 30 hingga 40

knot, ia juga boleh beri kesan pada bangunan tetapi bergantung kepada kekuatan struktur bangunan," kata saksi keempat prosiding inkues di depan Koroner Khairul Anuar Abdul Halim hari ini.

Inkues berkenaan diadakan bagi mengesahkan kematian seorang penjual nasi, Lim Chin Aik, 44, yang dipercayai tertimbus di dalam kawasan runtuh penebat kilat di Jalan Macalister.

Inkues itu juga bagi membolehkan Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan sijil kematian dan bertujuan

memudahkan urusan tuntutan insurans oleh keluarga mangsa.

Eng Kee berkata, Jabatan Meteorologi juga mengeluarkan Laporan Kerosakan Akibat Ribut Petir dan Angin Kencang di Pulau Pinang pada 14 Jun berhubung kejadian angin kuat itu.

Insiden itu turut meragut nyawa seorang pekerja asing, Jahir Sulaiman, 46, selepas lori yang dinaiki bersama rakan sekerja dihempap penebat kilat Menara UMNO yang runtuh.

Khairul Anuar, yang mendengar

inkues itu, dibantu Timbalan Pendakwa Raya Suhaimi Ibrahim dan Timbalan Pendakwa Raya, Lim Cheah Yit, peguam Gobind Singh Deo bagi pihak keluarga mangsa serta peguam JKP Sdn. Bhd. (pemilik bangunan Menara UMNO) Abdul Fareed Abdul Gafoor, yang dibantu Norliza Ali.

Sementara itu, suasana mahkamah sedikit suram ketika ibu mangsa, Ang Kim Looi, 70, memaklumkan Khairul Anuar bahawa beliau yakin anaknya terbunuh dalam kejadian berkenaan berdasarkan bukti yang diperolehi.

Sehubungan itu, beliau berharap pihak mahkamah dapat mengeluarkan sijil kematian anaknya bagi menyelesaikan beberapa perkara.

"Saya harap mahkamah dapat tolong saya, dahulu ketika dia lahir, saya telah mohon sijil kelahirannya, dan kini dia telah mati dan saya mohon sijil kematiannya dapat dikeluarkan," katanya dalam nada sebak.

Prosiding inkues bersambung esok. - BERNAMA



Hujan Lebat, Angin Kencang Sebab Penebat Kilat Runtuh - Loh

GEORGE TOWN, 3 Sept (Bernama) -- Pengarah Jabatan Meteorologi Pulau Pinang Loh Eng Kee mengesahkan berlaku angin kencang dan hujan lebat pada lewat petang 13 Jun lepas, yang mengakibatkan penebat kilat di Menara Umno di Jalan Macalister runtuh.

Beliau berkata berdasarkan imej satelit yang diperoleh daripada stesen pemantauan, kelajuan angin ketika itu adalah antara 30 dan 40 knot, yang mampu menyebabkan pokok bergoyang dengan kuat.

"Pada kelajuan 30 hingga 40 knot, ia juga boleh beri kesan pada bangunan tetapi bergantung kepada kekuatan struktur bangunan," kata saksi keempat prosiding inkues di depan Koroner Khairul Anuar Abdul Halim Selasa.

Inkues berkenaan diadakan bagi mengesahkan kematian seorang penjual nasi, Lim Chin Aik, 44, yang dipercayai tertimbus di dalam kawasan runtuh penebat kilat di Jalan Macalister.

Inkues itu juga bagi membolehkan Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan sijil kematian dan bertujuan memudahkan urusan tuntutan insurans oleh keluarga mangsa.

Loh berkata Jabatan Meteorologi juga mengeluarkan 'Laporan Kerosakan Akibat Ribut Petir dan Angin Kencang di Pulau Pinang pada 14 Jun' berhubung kejadian angin kuat itu.

Insiden itu turut meragut nyawa seorang pekerja asing, Jahir Sulaiman, 46, selepas lori yang dinaiki bersama rakan sekerja dihempap penebat kilat Menara Umno yang runtuh.

Khairul Anuar, yang mendengar inkues itu, dibantu Timbalan Pendakwa Raya Suhaimi Ibrahim dan Timbalan Pendakwa Raya Lim Cheah Yit, peguam Gobind Singh Deo bagi pihak keluarga mangsa serta peguam JKP Sdn Bhd (pemilik bangunan Menara Umno) Abdul Fareed Abdul Gafoor, yang dibantu Norliza Ali.

Sementara itu, suasana mahkamah sedikit suram ketika ibu mangsa, Ang Kim Looi, 70, memaklumkan Khairul Anuar bahawa beliau yakin anaknya terbunuh dalam kejadian berkenaan berdasarkan bukti yang diperoleh.

Sehubungan itu, beliau berharap pihak mahkamah dapat mengeluarkan sijil kematian anaknya bagi menyelesaikan beberapa perkara.

"Saya harap mahkamah dapat tolong saya, dahulu ketika dia lahir, saya telah mohon sijil kelahirannya, dan kini dia telah mati dan saya mohon sijil kematiannya dapat dikeluarkan," katanya dalam nada sebak.

Prosiding inkues bersambung esok.

Rainfall in Sumatra douses hotspots

Malaysians to enjoy clear skies for next seven days, says meteorological dept

KUALA LUMPUR: Malaysia is expected to be haze-free over the next one week, thanks to frequent rains that continue to douse haze-causing fires in central Sumatra, Indonesia.

Meteorological Department central forecasting office director Muhammad Helmi Abdullah said that as of Monday, no hotspots had been detected in both peninsular Malaysia and Indonesia.

This was despite a report last week indicating an increase in hotspots in Sumatra, with the latest number being 488, of which 267 were in the Riau province and 66 in south Sumatra.

"So far, no hotspots have been detected.

"The main factor for this is because of the frequent rainfall," he said.

However, he said the department



could not retrieve data from other suspected hotspots due to thick cloud cover.

"There could be hotspots somewhere else but the thick clouds

have blocked our satellite view," he said.

Helmi also said that wind had helped to ensure that haze particles were not blown to Malaysia.

"The wind that is blowing these haze particles is moving very slowly at 10kph to 20kph," he said.

He also expected that wind from different directions would occur in peninsular Malaysia, towards northwest and south Malaysia.

"Based on current conditions, we can say that the haze will not be making its way here for the next seven days," he said.

Roket air 'teroka' ruang angkasa

» Didik pelajar lebih kreatif, aplikasi teori serta konsep sains dipelajari

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pertandingan Teknologi Pelancaran Roket Peringkat Kebangsaan (PTPR) 2013 yang berakhir semalam, memberi peluang pelajar berfikir secara kreatif dan menyusun strategi untuk menghasilkan roket air untuk me-

neroka ruang angkasa dengan stabil.

Program tiga hari di Stadium Sains Sukan Universiti Malaya (UM) itu dianjurkan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan UM. Ia disertai 19 pasukan dari seluruh negara membabitkan 38 pelajar sekolah menengah dan 19 guru pembimbing.

Untuk memberi kelainan, buat julung kalinya tahun ini, PTPR



Dr. Noor Azuan (sepuluh dari kiri) bersama peserta Pertandingan Teknologi Pelancaran Roket 2013 di UM, semalam. FOTO KAMARUZAMAN ARIFFIN/BH



Antara aksi peserta PTPR 2013 ketika melancarkan roket masing-masing.

yang dimulakan pada 2003 turut membuka penyertaan kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah swasta. PTPR boleh dijadikan landasan untuk pelajar mengaplikasikan teori dan konsep sains yang dipelajari dengan aktiviti teknikal bagi meningkatkan lagi kefahaman mereka.


Aplikasi bidang sains

Penyelaras pertandingan, Jong Tze Kian, berkata teknologi pelancaran roket ialah terjemahan penggunaan dan aplikasi bidang sains angkasa kepada masyarakat kerana pelancaran sesuatu objek seperti kapal angkasa membabitkan pemahaman hukum alam yang menjejaskan pergerakannya.

Katanya, peserta dikehendaki menggunakan daya kreativiti tinggi untuk mencipta tiga model roket air menggunakan botol minuman berkarbonat dengan meminimumkan daya geseran bagi menyempurnakan beberapa misi pelancaran ke udara dengan hanya menggunakan kombinasi tekanan air dan udara.

"Pertandingan dibahagikan kepada empat kategori iaitu pembentangan, sasaran, payung terjun dan inovasi di mana markah keseluruhan dikumpul untuk mencari pasukan terbaik," katanya.

Johan diraih Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam, Selangor; kedua, SMK Sungai Merah, Sibu, Sarawak dan ketiga, SM Teknik (SMT) Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan. Johan membawa pulang piala pusingan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, teleskop, EduKit, piala, plak dan sijil.



Wakil negara ke Vietnam
SMK Tunku Abdul Rahman Putra yang bakal mewakili negara ke pertandingan roket air sempena 'Asia-Pacific Regional Space Agency Forum' (APRSF) di Vietnam, Disember ini, juga mengungguli kategori pembentangan terbaik, sasaran terbaik dan payung terjun terbaik, manakala SMK Tengku Budriah, Perlis menang kategori inovasi terbaik.

Hadiah disampaikan Ketua Pengarah ANGKASA, Dr Mustafa Din Subari. Hadir sama, Pemangku Dekan Fakulti Kejuruteraan UM, Prof Madya Dr Noor Azuan Abu Osman dan Pegawai Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan, Alias Yoop.

Pasukan lain yang mengambil bahagian ialah SMK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor; SMK Agama (SMKA) Sik, Kedah; SMK La-

**SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 17
TARIKH: 4 SEPTEMBER 2013 (RABU)**



38
pelajar
dari 19 pasukan
sertai PTPR 2013

15
sekolah
menengah bersaing
merebut kejuaraan

4
penyertaan
kali pertama menyertai
pertandingan PTPR 2013

Kemenangan khas buat arwah guru pembimbing

"Kemenangan ini saya dedikasi khusus buat guru pembimbing kami, Othman Aripin yang kembali ke rahmatullah, Februari lalu," kata Muhammad Farhan Roslan.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam, Selangor itu yang bersama rakannya, Muhammad Iqbal Ngazuddin dinobatkan juara Pertandingan Teknologi Pelancaran Rocket Peringkat Kebangsaan (PTPR) 2013, berkata ilmu dicurahkan Allahyarham menyuntik semangat mereka sepanjang tiga hari mengharungi cabaran.

Menurutnya, Allahyarham Othman, 47, sudah beberapa tahun membimbing pasukan sekolah menyertai pertandingan berkenaan sehingga pernah bergelar johan pada 2009 dan 2010 serta naib johan, tahun lalu.

Penguat semangat "Semangat serta ilmu yang sempat dicurahkan Allahyarham menjadi penguat semangat kepada kami untuk terus berusaha sehingga berjaya melakar kejayaan ini."

"Antara kata-kata Allahyarham yang masih saya ingat ialah dalam hidup, kita perlu sentiasa menonjolkan kemampuan dan keupayaan walau siapapun kita, walaupun ki-

ta tiada kuasa.

"Walaupun Allahyarham hanya pembantu makmal, beliau tidak pernah jemu menimba ilmu dan sentiasa membuat kajian untuk meningkatkan pengetahuan mengenai roket air. Semangat beliau itu kami teruskan dan menjalani latihan empat kali seminggu di bawah tunjuk ajar guru pembimbing baru, Mohamed Hadir Badru Zaman.

"Semangat serta ilmu yang sempat dicurahkan Allahyarham menjadi penguat semangat kepada kami untuk terus berusaha sehingga berjaya melakar kejayaan ini"

Kecapi kejayaan "Alhamdulillah, usaha itu membuahkan kejayaan," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan itu oleh Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Mustafa Din Subari di Stadium Sains Sukan Universiti Malaya (UM), di sini semalam.

Sejak memulakan latihan awal Januari lalu, katanya, Allahyarham sentiasa memberi tunjuk ajar dan tidak kedekut untuk berkongsi tip penghasilan roket yang baik selain kata-kata perangsang supaya mereka tidak mudah berputus asa.

Sementara itu, Dr Mustafa berharap PTPR boleh menjadi landasan awal untuk membantu kerajaan melahirkan sumber tenaga mahir dalam bidang sains dan teknologi khususnya sains angkasa.



Muhammad Iqbal (kiri) dan Muhammad Farhan (kanan) bersama Muhamed Hadir **muncul juara** pertandingan PTPR 2013.

INFO

Pertandingan PTPR 2013

- **Johan** - SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam, Selangor
- **Kedua** - SMK Sungai Merah, Sibu, Sarawak
- **Ketiga** - SM Teknik Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan

dang Kerilla, Tanah Merah, Kelantan; SMT Jasin, Melaka; SMKA Tengku Ampuan Hajah Afzan, Jerantut, Pahang; SMK Dato' Haji Mohd Taib, Chemor, Perak; SMK Tunku Abdul Rahman, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

SMKA Tun Mustapha, Kota Kinabalu, Sabah; SMK Merchang, Marang, Terengganu; SMK Sungai Besi, Kuala Lumpur; SMK Putrajaya Presint 9 (1); MRSM Pasir Salak, Perak Tengah; MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan; Chong Hwa Independent High School dan Sekolah Sri Dasmesh, Kuala Lumpur.



Cara guna aplikasi AR bagi ZOOM video



BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 SEPTEMBER 2013 (RABU)



Sirim Anjur Sidang Kemuncak Kualiti Nasional 2013

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- **Sirim Bhd** menganjurkan Sidang Kemuncak Kualiti Nasional 2013 (NQS) bertemakan "Kualiti bagi Pengguna Global" untuk membincangkan perkembangan semasa dan amalan terbaik dalam kualiti bagi memastikan keamanan perniagaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata pelanggan hari ini lebih peka kepada kualiti, nilai dan kesihatan.

"Globalisasi entah bagaimana telah mengubah tingkah laku pembelian pengguna dan peningkatan golongan mewah juga mengubah cita rasa pengguna dan pilihan yang mereka buat," katanya dalam satu kenyataan.

Sidang kemuncak itu yang kedua berturut-turut, dibahagikan kepada empat sesi dengan 13 kertas dibentangkan oleh penceramah antarabangsa dan tempatan yang pakar dalam bidang masing-masing.

Sidang kemuncak itu mengumpulkan lebih 150 peserta yang merupakan CEO, pengarah syarikat, ketua jabatan, perunding cara dan pengamal berkualiti.

Ia diadakan hari ini serta esok di Sime Darby Convention Centre.

-- BERNAMA

More 'green' transport

THE Prime Minister recently announced subsidy rationalisation. This, and further subsidy cuts are seen as financial solutions to reduce the nation's deficit.

But do we actually address implications for both people and businesses in the long term?

Based on the National Energy Balance 2011, the transportation sector took up 39.3 per cent of total final energy demand. In fact, it has superseded the industrial sector since 2009.

Countries with a higher population than Malaysia's have lower energy use for transportation: The United States with

27.8 per cent in 2011; Japan (25 per cent in 2009) and Europe (31.7 per cent in 2010).

Two things that can cushion the country's subsidy rationalisation impact and help in proper allocation of energy use have always been left out. First, public transport is the most efficient way to address fuel price hike.

Second, the Association of Water and Energy Research Malaysia (AWER) sees the need for a minimum energy performance standard (MEPS) and mandatory energy efficiency labelling for road vehicles for personal and commercial use.

We have raised this many times without any action taken.

The European Union, Japan and South Korea have embarked on it years ago to ensure their citizens buy only energy efficient vehicles. The labelling mechanism will allow Malaysians to buy such 'green' vehicles and also cushion them from future high fuel cost beside helping to reduce the transportation sector's energy use.

Many countries with MEPS or energy efficiency labelling will improve requirements periodically. When this happens, countries like Malaysia will get

the less 'green' products that cannot be sold in their country, becoming a dumping ground for obsolete technology.

Few government agencies here are promoting hybrid and electric vehicles without a proper life cycle assessment to identify if 'green' products are really what they claim to be.

To ensure labelling, the Energy Commission of Malaysia and SIRIM Berhad can adopt a common testing mechanism to certify vehicles. The commission has already developed a star rating for electricity consuming equipments. Due to pressure from AWER, it is also

paving the way for MEPS on selected electrical products. The government can now extend it to road vehicles for the upcoming Budget 2014.

Since there is no agency to manage energy use in the transportation sector, AWER urges the government to give the job to the commission for speedier energy efficiency in the sector. Are we ready for an energy paradigm shift?

PIARAPAKARAN S.
PRESIDENT
ASSOCIATION OF WATER
AND ENERGY RESEARCH
MALAYSIA (AWER)